



**Pusat Pengajian  
Pengurusan Perniagaan**  
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

**Universiti Utara Malaysia**

# PERATURAN DAN PERUNDANGAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF



## **PERATURAN DAN PERUNDANGAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF**

*Maklumat di dalam buku ini adalah betul semasa ianya dicetak. Universiti berhak untuk meminda kandungannya pada bila – bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu*

### **PENGENALAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Universiti Utara Malaysia (Seterusnya disebut sebagai UUM) ditubuhkan untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan pengurusan. Program akademiknya tertumpu kepada bidang-bidang pengurusan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia, keusahawanan, kewangan dan perbankan, undang-undang, pemasaran, pengurusan teknologi, komunikasi, kerja sosial, multimedia, pendidikan, sains pemutusan, hal ehwal antarabangsa, pengurusan perniagaan, pelancongan, pentadbiran muamalat, pengurusan pembangunan, logistik dan pengangkutan, hospitaliti, pengurusan risiko dan insurans, teknologi media, perniagaantani, matematik perniagaan, statistik industri dan kaunseling.

Universiti Utara Malaysia juga memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan di kawasan utara Semenanjung. Prasarana dan kemudahan asas yang disediakan serta tenaga manusia di Universiti ini menjadi penggerak kepada kegiatan sosioekonomi yang lain. Di samping pengajaran dan penyelidikan, Universiti ini juga memberi sumbangan kepada perkembangan sosial, ekonomi dan intelektual di kawasan ini. Universiti memainkan peranan ini dengan melibatkan dirinya dalam projek kemasyarakatan, sama ada secara sendiri mahupun dengan kerjasama badan-badan kerajaan dan sektor swasta. Ke arah matlamat tersebutlah universiti ini sedang bergerak.

### **OBJEKTIF UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

- Menjadi institusi pendidikan pengurusan yang terkemuka.
- Menjadi pusat rujukan dalam semua aspek pengurusan.
- Menjadi perunding dalam semua aspek pengurusan di peringkat Negara dan antarabangsa.

### **VISI**

Menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka.

### **MISI**

Merealisasikan Universiti Utara Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perundingan yang terkemuka dalam bidang pengurusan secara berterusan demi menghasilkan modal insan yang mampu dan beriltizam membangunkan negara dan kemanusiaan.

## **PENGENALAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF**

Standard Diploma Eksekutif ini adalah merupakan standard sedia ada yang telah dibangunkan oleh MQA pada tahun 2009 dan kemudiannya telah dikemaskini pada tahun 2013. Program Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan telah menerima pengiktirafan penuh dari MQA bermula 2018.

Skop standard ini mengandungi tujuan dan definisi program diploma eksekutif, kumpulan sasaran, hasil pembelajaran, reka bentuk kurikulum, kaedah penilaian, kaedah pengendalian, kaedah pengajaran dan pembelajaran, kelayakan masuk, jumlah kredit bergraduasi, kelayakan dan laluan pembelajaran dalam *Malaysian Qualifications Framework (MQF)* serta Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang layak menawarkan diploma eksekutif.

Berdasarkan kepada MQF, program diploma eksekutif telah diletakkan di dalam kategori laluan pembelajaran sepanjang hayat seperti di dalam Jadual 1: MQF kerana ianya melibatkan pemilihan calon yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan.

Adalah menjadi tujuan Universiti Utara Malaysia (selanjutnya disebut sebagai "UUM") untuk menawarkan Program Diploma Eksekutif (selanjutnya disebut sebagai "Program") bagi calon yang memenuhi syarat untuk mendaftar program ini.

## **DEFINISI DIPLOMA EKSEKUTIF**

Diploma eksekutif adalah merupakan satu laluan pendidikan alternatif yang formal untuk pekerja industri yang tidak mempunyai peluang mengikuti program laluan akademik semasa awal kehidupan mereka bagi membangun dan mengemas kini kemahiran dan pengetahuan untuk diaplikasikan di alam pekerjaan.

Diploma eksekutif juga disediakan untuk menangani isu spesifik dan keperluan segera sumber manusia dalam sektor industri, yang tidak diberi perhatian dalam pendidikan aliran akademik.

## **KUMPULAN SASARAN**

Program diploma eksekutif adalah program yang berdiri sendiri (*stand alone programme*) dan hanya ditawarkan kepada pekerja industri yang sedang bekerja atau dengan pengalaman bekerja yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran khusus/spesifik dalam sesuatu bidang bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan kerjaya mereka.

## **ETIKA PAKAIAN**

Anda mestilah memakai pakaian formal yang kemas, bersih, menutup aurat dan bersopan mengikut Kod Etika Pakaian Rasmi Universiti. Pakaian melambangkan keperibadian dan imej sebagai mahasiswa UUM.

Pakaian yang kemas dan sopan adalah lambang ketinggian ilmu individu. Setiap urusan sama ada di bilik kuliah dan di pejabat adalah urusan rasmi, maka amalkan cara berpakaian sopan dalam semua aktiviti dalam kampus.

### **Siswa**

- Berpakaian formal atau mengenakan t-shirt berkolar dan berseluar panjang.
- Rambut mestilah pendek dan kemas.
- Berkasut. Tidak dibenarkan memakai selipar.

### **Siswi**

- Semua jenis pakaian mestilah kemas dan sopan. Pakaian mestilah tidak menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti di bahagian lutut, dada dan perut.
- Berambut rapi bagi yang tidak bertudung.
- Tidak digalakkan memakai barangan kemas.

## **PENGENALAN DIRI**

Sistem kad atau pas digunakan di dalam kawasan pembelajaran. Kad tersebut adalah:

- Kad Pintar (Smart Card) bagi pelajar

Kad hendaklah dipakai di sepanjang masa berada di dalam kawasan pembelajaran untuk tujuan pengenalan diri dan hendaklah ditunjukkan kepada pegawai pentadbiran bertugas apabila diminta.

Jika hilang, laporkan segera kepada Pejabat Pentadbiran supaya kad atau pas baru boleh dibuat segera.

## **PENGKULIAHAN**

### **1.0 Sistem Semester**

Sistem Akademik yang diamalkan oleh UUM adalah sistem semester. Dalam satu sesi pengajian, terdapat tiga (3) semester, iaitu Semester Pertama, Semester Kedua dan Semester Ketiga. Jumlah jam kuliah adalah mengikut perancangan Pusat Pengajian pada setiap semester. Secara umum, untuk kursus berjam kredit empat dan tiga, pelajar akan menghadiri 24 jam kuliah manakala kursus berjam kredit dua, pelajar akan menghadiri 16 jam kuliah. Jadual kuliah akan dimaklumkan kepada pelajar oleh Pusat Pengajian melalui portal pelajar.

Tempoh minimum memperolehi Diploma Eksekutif adalah enam (6) semester. Dalam jangkamasa ini, pelajar perlu mengambil dan lulus sejumlah jam kredit seperti yang ditetapkan oleh program. Kemajuan pelajar dinilai terus menerus dan pencapaian dalam satu-satu semester akan memberi kesan kepada pencapaian keseluruhannya. Pelajar akan diberi mata gred bagi setiap kursus yang di ambil. Pengiraan Purata Mata gred Keseluruhan (PMK) akan dilakukan pada akhir setiap semester. Pengiraan ini dilakukan sehingga anda telah mengumpul sejumlah kredit seperti yang ditetapkan oleh program anda. Pada semester akhir anda hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PMK 2.00 untuk dianugerahkan Diploma Eksekutif. Sekiranya gagal, anda boleh dibenarkan melanjutkan pengajian sehingga ke semester ke Sembilan (9).

## 2.0 Kuliah dan Peperiksaan

Pelajar dikehendaki mengikuti sekurang-kurangnya 80% daripada jam kuliah sebelum dibenarkan menghadiri peperiksaan. Ini bererti, bagi sesuatu kursus tiga dan empat jam kredit (24 jam pertemuan), pelajar tidak boleh ponteng lebih daripada 5 jam.

## 3.0 Nama Program dan Jumlah Jam Kredit

Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan                      90 Jam Kredit

Klasifikasi Kursus	Nilai Kredit	Peratusan
Kursus Wajib Universiti	9	10%
Kursus Teras Program	72	80%
Kursus Elektif	9	10%
<b>Jumlah Kredit Keseluruhan</b>	<b>90</b>	<b>100%</b>

## 4.0 Pendaftaran Kursus

Pendaftaran kursus dijalankan secara 'online' melalui portal pelajar. Kursus-kursus akan dibuka untuk pendaftaran mengikut tempoh dan kriteria yang ditetapkan. Kursus boleh dipilih berdasarkan kepada Jadual Waktu Kuliah yang disediakan. Namun, ianya hendaklah berpandukan kepada cadangan struktur program yang telah ditetapkan untuk setiap semester selain bilangan tempat yang ditawarkan bagi sesuatu kursus. Kursus yang didaftarkan akan dijana selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Anda dibenarkan mengambil jam kredit minimum sebanyak 9 jam dan maksimum sebanyak 12 jam (termasuk Ko-Kurikulum).

Untuk mengakses Jadual Waktu Kuliah sila rujuk portal pelajar. Sila klik Sistem Aplikasi Online dan masukkan No. Matrik Pelajar (User name) serta No. Kad Pengenalan (Password) dan klik pada Jadual Kuliah Induk.

Berikut adalah struktur program Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan:

Year Offered / Semester	Code	Name of Course/Module	Classification (Major/Minor/Elective/Audit)	Credit Value
Year 1 / Sem 1	MPU 1032	Cross Cultural Management	Compulsory	2
Year 1 / Sem 1	ECM 1104	Principles of Management	Core	4
Year 1 / Sem 1	EBM 3304	Principles of Economics	Core	4

Year 1 / Sem 1	EBM 1014	English 1	Core	4
Year 1 / Sem 2	MPU 1022	Public Speaking	Compulsory	2
Year 1 / Sem 2	EBM 3404	Business Statistics	Core	4
Year 1 / Sem 2	EBM 2304	Principles of Accounting	Core	4
Year 1 / Sem 2	ECM 1404	Management Information Systems	Core	4
Year 1 / Sem 3	EBM 2104	Logistic Management	Core	4
Year 1 / Sem 3	EBM2204	Business Communication	Core	4
Year 1 / Sem 3	ECM 1304	Human Resource Management	Core	4
Year 1 / Sem 3	EBM 1204	Business Mathematics	Core	4
Year 2 / Sem 1	EBM 1054	Principles of Marketing	Core	4
Year 2 / Sem 1	MPU 1013	Pengajian Malaysia	Compulsory	3
Year 2 / Sem 1	EBM 3204	Entrepreneurship	Core	4
Year 2 / Sem 1	EBM 2404	Business and Commercial Law	Core	4
Year 2 / Sem 2	MPU 1402	Khidmat Masyarakat	Compulsory	2
Year 2 / Sem 2	EBM 3104	Marketing Management	Core	4
Year 2 / Sem 2	ECM 1204	Principles of Finance	Core	4
Year 2 / Sem 2	ECM 1504	Strategic Management	Core	4
Year 2 / Sem 2	EBM 1034	Process Writing	Core	4
Year 2 / Sem 3	ECM 1064	Computer Application	Core	4
Year 2 / Sem 3		Elektif 1	Elective	3
Year 2 / Sem 3		Elektif 2	Elective	3
Year 2 / Sem 3		Elektif 3	Elective	3
		<b>TOTAL</b>		<b>90</b>

#### Maklumat Lanjut

Unit Program Diploma Eksekutif,

Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan

Telefon: (04) 928 7498 (Puan Che Roihan) atau 928 7418 (En. Azlan)

## **5.0 Minggu Gugur/Tambah Kursus**

Minggu Gugur/Tambah Kursus adalah tempoh yang diberikan untuk anda menggugur atau menambah kursus setelah pendaftaran kursus dibuat. Minggu Gugur/Tambah akan berlangsung pada minggu pertama pengkuliah. Gugur/Tambah Kursus juga dilaksanakan secara 'on-line'. Pelajar yang layak untuk melakukan Gugur/Tambah adalah:-

- a. mendapat status Lulus Bersyarat/Mengulang/Gagal tetapi dipanggil semula;
- b. memohon kursus tetapi tidak berjaya ditempatkan.

## **6.0 Tarik Diri (TD)**

Anda boleh menarik diri daripada kursus yang telah didaftarkan. Minggu Tarik Diri Kursus tanpa bayaran adalah dalam minggu pertama hingga kelima. Selepas dari itu, tarik diri hanya dibenarkan dari minggu keenam hingga kelapan tetapi dikenakan bayaran caj lewat sebanyak RM 50.00 bagi setiap kursus.

## **7.0 Penangguhan Pengajian**

Seorang pelajar boleh dibenarkan menangguh mana-mana semester jika menghadapi masalah kesihatan untuk tempoh yang agak lama. Perakuan daripada doktor yang diperakui oleh Universiti atau pihak lain yang sah adalah diperlukan. Tempoh penangguhan semester yang dibenarkan kepada seorang pelajar yang menghadapi masalah kesihatan tidak akan diambil kira dalam tempoh maksimum yang dibenarkan untuk mendapat ijazah. Walau bagaimanapun, jumlah tempoh yang dibenarkan ini tidak melebihi tiga semester.

Seorang pelajar juga boleh dibenarkan menangguh mana-mana semester kerana apa juga sebab selain daripada sakit / masalah kesihatan dengan persetujuan pihak penaja, dan tempoh yang diluluskan itu akan diambil kira dalam tempoh maksimum yang dibenarkan untuk mendapatkan Diploma Eksekutif. Tempoh penangguhan yang dibenarkan ialah tidak melebihi enam semester sepanjang pengajian. Pelajar perlu membuat permohonan kepada Universiti bagi setiap semester yang ingin ditangguh.

Permohonan boleh dibuat sebelum berakhir minggu ke-15. Pelajar yang diberi penangguhan pendaftaran akan hilang taraf sebagai pelajar Universiti. Oleh yang demikian, pelajar itu tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan Universiti sehingga ia mendaftar semula.

## **8.0 Permohonan Pertukaran Program**

Bukanlah menjadi dasar Universiti untuk membenarkan pelajar bertukar program. Tawaran program kepada pelajar adalah muktamad dan ini jelas dinyatakan di dalam surat tawaran kemasukan. Walau bagaimanapun, Senat telah menurunkan kuasa kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) untuk menimbang dan membuat keputusan ke atas permohonan pertukaran program. Dalam mempertimbangkan pertukaran program, beberapa kriteria telah ditetapkan iaitu:-

- a. Pelajar yang memohon pertukaran program, hendaklah telah melengkapkan pengajiannya di Universiti ini sekurang-kurangnya satu semester.
- b. Pelajar yang memperoleh pencapaian akademik yang rendah terutamanya yang mendapat status Lulus Bersyarat dan Mengulang Semester diberi keutamaan dalam pertimbangan.
- c. Walau apapun syarat yang disebut pada perkara di atas, syarat kemasukan mengikut program serta pengimbangan pelajar mengikut kuota bagi sesuatu program akan diambil kira semasa membuat pertimbangan.
- d. Pelajar dari program asal tidak dibenarkan membuat pertukaran kepada semua program pendidikan.

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang yang telah disediakan yang boleh didapati di Unit Program Diploma Eksekutif, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, setelah keputusan peperiksaan semester sebelumnya dikeluarkan. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke Unit Kemasukan pada minggu pertama semester dengan disertakan bayaran sebanyak RM100.00 dalam bentuk Wang Pos (Postal Order/ Money Order atas nama Universiti Utara Malaysia) atau membuat bayaran tunai kepada Jabatan Bendahari sertakan resit bayaran tersebut bersama borang pertukaran program tersebut. Permohonan yang diterima selepas daripada itu tidak akan dipertimbangkan.

## 9.0 Peperiksaan Dan Penilaian

Di UUM Penilaian Prestasi Akademik Pelajar dibahagikan kepada dua kaedah iaitu kerja kursus dan peperiksaan akhir. Peratusan penilaian kerja kursus dan peperiksaan akhir ditentukan oleh Jawatankuasa Perancangan Akademik Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan. Kursus-kursus yang tidak memerlukan peperiksaan akhir semester hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancangan Akademik Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan:-

Gred	Mata Gred	Catatan
A+	4.00	Cemerlang
A	4.00	
A-	3.67	Kepujian
B+	3.33	
B	3.00	
B-	2.67	Baik
C+	2.33	
C	2.00	Lulus
C-	1.67	Gagal
D+	1.33	
D	1.00	
F	0.00	Dilarang Mengambil Peperiksaan Dan Menyerahkan Tugas

Pelajar yang mendapat gred C-, D+, D dan F bagi mana-mana kursus perlu mendaftar dan mengulang semula kursus berkenaan hingga memperoleh sekurang-kurangnya gred C (Lulus).



**Gred F** akan diberi kepada pelajar yang tidak mengambil peperiksaan akhir kecuali kursus-kursus yang tidak memerlukan peperiksaan akhir seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Akademik.

**Gred X** boleh diberikan kepada pelajar yang dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir disebabkan kehadiran dalam kuliah atau tutorial kurang daripada 80%. Ianya juga turut berkuatkuasa terhadap kursus-kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir. Gred X bagi sesuatu kursus tidak boleh ditebus.

**Gred Tidak Lengkap (TL)** boleh diberikan kepada pelajar yang belum melengkapkan mana-mana keperluan tertentu bagi sesuatu kursus kecuali peperiksaan atau ujian tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a. Permohonan untuk mendapatkan gred TL hendaklah dikemukakan Dekan Pusat Pengajian masing-masing setelah mendapat persetujuan pensyarah berkenaan;
- b. Permohonan untuk mendapatkan gred TL hendaklah dikemukakan sebelum minggu peperiksaan akhir;
- c. Gred TL hendaklah ditebus dalam tempoh empat minggu selepas tarikh akhir semester berkenaan;
- d. Jika gred TL ditebus selepas tamat tempoh empat minggu seperti dalam (c) di atas, tetapi tidak melebihi empat minggu yang kedua, maka pelajar akan menerima gred satu peringkat rendah daripada gred yang layak diterima.

Jika gred TL tidak ditebus selepas tamat tempoh lapan minggu yang ditetapkan, **gred F** akan diberikan kepada pelajar terlibat.

**Gred Tarik Diri (TD)** boleh diberikan kepada:-

Pelajar yang membuat permohonan kepada Pusat Pengajian masing-masing sebelum berakhir atau pada minggu yang kelima setiap semester. Walau bagaimanapun pelajar boleh membuat permohonan TD selepas minggu kelima hingga berakhirnya minggu yang kelapan dengan dikenakan penalti sebanyak RM50 bagi setiap kursus. Semua permohonan hendaklah didaftarkan di Pusat Pengajian masing-masing.

## **KAEDAH PENILAIAN**

Penilaian diploma eksekutif terdiri daripada dua bahagian, iaitu penilaian berterusan (formatif) dan peperiksaan akhir (sumatif) sebagaimana berikut:

- Penilaian berterusan sebanyak 60% atau 40%.
- Contoh penilaian berterusan yang dicadangkan adalah seperti di bawah:
  - a) kuiz
  - b) ujian/ujian amali
  - c) pembentangan
  - d) projek/penyelidikan/laporan
  - e) portfolio

Peperiksaan akhir 40% atau 60%.

Kaedah penilaian lain juga boleh digunakan sekiranya ianya dapat membantu penilaian pencapaian hasil pembelajaran khususnya bagi hasil pembelajaran yang memerlukan pemerhatian dan tidak boleh diuji dalam peperiksaan.

### Skala Pemarkahan

Markah	Gred	Mata Gred
90 – 100	A+	4.00
80 – 89	A	4.00
75 – 79	A-	3.67
70 – 74	B+	3.33
65 – 69	B	3.00
60 – 64	B-	2.67
55 – 59	C+	2.33
50 – 54	C	2.00
45 – 49	C-	1.67
40 – 44	D+	1.33
35 – 39	D	1.00
00 – 34	F	0.00

Semua matagred yang diperolehi pelajar dalam semua kursus sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di atas, akan diambil kira untuk menentukan Purata Matagred Keseluruhan (PMK) dengan menggunakan formula seperti berikut:-

$$\frac{\sum_{i=1}^n K_i M_i}{\sum_{i=1}^n K_i}$$

$n$  = bilangan modul  
 $K_i$  = jumlah jam kredit bagi setiap modul  
 $M_i$  = mata gred setiap modul

**Atau**

Jumlah (Jumlah jam kredit setiap modul) x (mata gred setiap modul)

---

Jumlah jam kredit bagi program tersebut

Pelajar Semester Akhir boleh memohon untuk mengikuti peperiksaan khas sekiranya gagal satu kursus di dalam Peperiksaan Akhir Semester. Pelajar dihalang (X), tidak hadir Peperiksaan Akhir

(F1) atau gagal kerana tidak hantar tugas tidak layak menduduki Peperiksaan Khas. Pelajar yang memohon juga perlu mencapai PMK 2.00 ke atas bagi Teras Program. Pelajar layak menduduki peperiksaan khas sekali sahaja sepanjang pengajian. Pemarkahan adalah mengikut peratusan yang ditetapkan iaitu 60/40 atau 40/60 atau 50/50. Pelajar yang lulus peperiksaan bagi kursus yang diambil dikenakan bayaran RM 40.00 bagi setiap kredit.

**Peperiksaan Gantian** anda boleh mengambil peperiksaan gantian sekiranya tidak dapat mengikuti peperiksaan akhir akibat daripada beberapa perkara di bawah:-

- a. Pelajar mestilah mempunyai Sijil Cuti Sakit dari Hospital Kerajaan/Pusat Kesihatan Pelajar. Sekiranya mendapat rawatan di Hospital / Klinik Swasta, sijil sakit mestilah mendapat pengesahan daripada Pusat Kesihatan Universiti / Hospital Kerajaan sahaja.
- b. Hanya satu Sijil Cuti Sakit sahaja yang dibenarkan. Di dalam kes-kes tertentu lebih daripada satu Sijil Sakit boleh dipertimbangkan. Tempoh sah Sijil Cuti Sakit ialah satu minggu dari tarikh peperiksaan.
- c. Pelajar yang bersalin dalam minggu peperiksaan adalah layak mendapat Cuti Rehat selama dua minggu dari tarikh peperiksaan.
- d. Pelajar yang kematian saudara terdekat (ibu, bapa, saudara kandung, isteri, suami, anak dan lain-lain) hanya diberikan tiga hari sahaja tempoh pelepasan untuk semua kaum dan hendaklah disertakan salinan Sijil Kematian saudara tersebut.
- e. Kes-kes Mahkamah. Pelajar yang mempunyai kes-kes lain hendaklah majukan borang permohonan untuk menduduki Peperiksaan Gantian kepada Dekan Pusat Pengajian masing-masing untuk sokongan dan diserahkan kepada Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Akademik untuk dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa Peperiksaan Akhir Pelajar untuk pertimbangan dan kelulusan.

### **Syarat-Syarat Untuk Meneruskan Pengajian**

- a. **Taraf Lulus** - Pelajar yang mendapat PMK 2.00 atau lebih dalam semester berkenaan adalah LULUS dan boleh meneruskan pengajian ke semester berikutnya.
- b. **Taraf Lulus Bersyarat** - Pelajar yang bertaraf LULUS (mengikut keputusan peperiksaan semester yang baru lalu, jika berkenaan) tetapi mendapat PMK kurang daripada 2.00 tetapi tidak kurang daripada 1.50 pada akhir semester berkenaan adalah LULUS BERSYARAT (LB). Pelajar terlibat akan diberi amaran untuk meningkatkan PMK supaya mencapai taraf LULUS pada semester berikutnya.

## **Taraf Mengulang Semester**

Pelajar semester pertama yang mendapat PMK kurang daripada 1.50 dan tidak kurang daripada 1.00 pada peperiksaan akhir semester berkenaan adalah dibenarkan mengulang semester tertakluk kepada perkara-perkara berikut:-

- a. Pelajar bertaraf ini hendaklah diberikan amaran untuk meningkatkan PMK supaya mencapai taraf LULUS pada semester berikutnya;
- b. Semua kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam semester tersebut akan dimansuhkan dan tidak akan diambil kira dalam PMK;
- c. Kursus yang diulang oleh pelajar tidak semestinya kursus yang sama kecuali bagi kursus yang wajib;
- d. Taraf mengulang diberi hanya satu kali sepanjang tempoh pengajian iaitu pada semester pertama sahaja.
- e. Semua keputusan akan dicatat dalam rekod akademik pelajar;

## **Taraf Gagal**

- a. Pelajar yang mendapat PMK kurang daripada 1.00 dalam mana-mana semester adalah GAGAL dan akan diberhentikan dari Universiti.
- b. Pelajar bertaraf LULUS BERSYARAT (mengikut keputusan peperiksaan yang baru lalu) yang masih tidak mencapai taraf LULUS dengan PMK 2.00 adalah GAGAL dan akan diberhentikan dari Universiti.
- c. Pelajar bertaraf GAGAL BERHENTI (mengikut keputusan peperiksaan yang lalu) mencapai PMK 1.90 – 1.99 dan tidak ada status X (halang) adalah dibenarkan meneruskan pengajian sebagai peluang terakhir dan perlu mencapai PMK 2.00 pada semester berikutnya.
- d. Pelajar bertaraf GAGAL BERHENTI (mengikut keputusan peperiksaan yang lalu) mencapai PMK 1.80 – 1.89 dan tidak ada status X (halang) dibenarkan membuat rayuan untuk meneruskan pengajian dan wajib mencapai PMK 2.00 pada semester berikutnya.
- e. Pelajar bertaraf MENGULANG SEMESTER (mengikut keputusan peperiksaan yang baru lalu) masih tidak mencapai taraf LULUS dengan PMK 2.00 adalah GAGAL dan akan diberhentikan dari Universiti.
- f. Pelajar bertaraf di perkara c., d., dan e. jika masih gagal mencapai PMK 2.00 akan diberhentikan daripada meneruskan pengajian dan tidak lagi dibenarkan untuk membuat rayuan. Anda akan dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir sekiranya tidak menghadiri sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah kuliah dan tutorial ataupun lewat lebih daripada tiga puluh (30) minit memasuki Dewan Peperiksaan tanpa sebab yang munasabah. Gred F akan diberikan kepada pelajar berkenaan.

Anda juga akan dihalang daripada menerima keputusan peperiksaan rasmi pada akhir setiap semester sehingga anda menjelaskan kepada Universiti segala bayaran yuran dan bayaran lain yang diperlukan. Selain itu, anda juga boleh dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya jika anda tidak menjelaskan mana-mana bayaran yang diperlukan kepada Universiti. Pelajar yang tidak mendaftar kursus selepas minggu kedua pada setiap semester akan digugurkan dari senarai nama pelajar berdaftar UUM.

## **KEWANGAN**

### **PERSEDIAAN MENAMATKAN PENGAJIAN**

Untuk memperolehi Diploma Eksekutif, anda perlu menyemak dan memastikan bahawa anda telah mengambil dan lulus dengan mendapat jumlah kredit minimum yang ditetapkan oleh Program. Walau bagaimanapun struktur program hendaklah terdiri daripada komponen yang masing-masingnya tidak kurang daripada jumlah kredit Teras Universiti, Teras Program dan Elektif Program yang telah ditetapkan oleh struktur program Diploma Eksekutif. Seorang pelajar boleh dianugerahkan Diploma Eksekutif jika telah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- a. Memenuhi semua kehendak syarat teras university, program dan elektif;
- b. Telah mencapai PMK sekurang-kurangnya 2.00 hingga 4.00;
- c. Telah mencapai PMK sekurang-kurangnya 2.00 hingga 4.00 bagi kursus Teras Program.

Anda boleh menyemak status tamat pengajian di dalam portal selepas keputusan peperiksaan semester akhir pengajian diumumkan dan setelah Mesyuarat Senat mengesahkan status tamat pengajian anda. Pada kebiasaannya pengesahan Senat dibuat dalam tempoh minima 60 hari daripada keputusan diumumkan.

Anda juga perlu menyemak kelayakan bergraduat di menu Konvokesyen dalam laman sesawang Program Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan selepas status tamat pengajian anda dikemaskini.

Anda boleh mendapatkan surat tamat pengajian dan transkrip akademik sementara untuk memohon pekerjaan atau melanjutkan pengajian sebelum Majlis Konvokesyen diadakan. Cetakan dokumen boleh dibuat melalui permohonan bertulis pelajar kepada pihak Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan. Ianya bagaimanapun adalah tertakluk kepada tarikh pengesahan Senat dan anda tidak mempunyai hutang tertanggung dengan Universiti.

## **MAJLIS PENGANUGERAHAN DIPLOMA EKSEKUTIF**

Semua graduan Diploma Eksekutif boleh mendapatkan maklumat nama, tarikh serta sesi majlis penganugerahan, surat jemputan dan jumlah bayaran yang perlu dijelaskan melalui pemakluman oleh pihak Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM.

Surat jemputan dan Panduan Majlis Penganugerahan boleh diperolehi melalui surat rasmi yang akan dihantar oleh pihak Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan. Adalah dinasihatkan agar semua graduan membaca Panduan Konvokesyen yang disertakan dengan teliti.

## **SYARAT KEMASUKAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF**

Hanya pemohon yang memenuhi kriteria kemasukan berikut layak mendaftar untuk Program ini:

- i) Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 3 kredit; dan
- ii) Wajib **lulus** Bahasa Melayu peringkat SPM; dan
- iii) Memiliki sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja, setelah selesai SPM / setara / kelayakan lain yang lebih tinggi; dan
- iv) Sekurang-kurangnya berumur 21 tahun ke atas  
ATAU
- i) Memiliki kelayakan APEL (**ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNIN**) A.

## **TEMPOH PENGAJIAN DAN BEBAN KERJA**

Pelajar hendaklah menyelesaikan masa pengajian mereka tidak lebih awal daripada lima belas (15) bulan sejak tarikh pendaftaran untuk Program. Jangka masa maksimum yang dibenarkan untuk penyelesaian tidak boleh melebihi tiga puluh enam (36) bulan.

## **TANGGUNGJAWAB PELAJAR**

Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk memastikan bahawa dia menghadiri setiap modul untuk tempoh yang penuh.

Kegagalan pelajar untuk menghadiri mana-mana atau sebahagian dari setiap modul secara automatik akan mandat calon untuk kembali mendaftar untuk modul tersebut pada masa yang dianggap tepat oleh UUM. Calon perlu menyerahkan ke UUM penjelasan secara bertulis dalam masa satu (1) minggu dari tarikh modul, memberikan alasan yang munasabah mengenai ketidakhadiran dalam modul tersebut. Jika tiada penjelasan bertulis yang diterima daripada pelajar dalam jangka masa dimaksudkan di atas, UUM akan mengambil tindakan terhadap calon yang dianggap sesuai.

Pelajar diwajibkan berpakaian mengikut kod berpakaian yang tepat dan formal semasa menghadiri kelas.

Jika pelajar telah meminta surat untuk pengeluaran KWSP, adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mengemukakan kelulusan pengeluaran wang KWSP dalam tempoh satu (1) bulan selepas menerima surat dari KWSP.

Pelajar perlu menguruskan sepenuhnya jika pelajar ingin memohon pembiayaan yuran melalui PTPTN.

Pelajar hendaklah pada bila-bila masa, memaklumkan secara bertulis, tentang segala perubahan alamat. Setiap notis yang dikehendaki untuk dihantar akan dianggap telah dihantar ke alamat terkini yang diberikan oleh pelajar.

## **PENILAIAN**

Pelajar akan dinilai sepanjang masa pengajian mereka untuk setiap modul. Penilaian boleh dalam bentuk kehadiran, penyertaan, kerja projek, kuiz, ujian, tugas, dsbnya.

Cara penilaian akan dibekalkan secara berasingan di Pusat Pembelajaran.

Semua tugas dan ujian bertulis hendaklah dihantar ke Pusat pembelajaran/pensyarah pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan oleh pensyarah tersebut.

Jika tugas dihantar terlambat, cadangan UUM mempunyai hak untuk memberikan gred gagal (F) untuk pelajar atau mengurangkan markah yang diberikan oleh pensyarah seperti yang dianggap sesuai dan wajar.

Jika UUM menemukan bukti plagiarisme dan tiruan antara pelajar, UUM berhak untuk memberikan gred (F) untuk semua pelajar yang terlibat.

## **KAEDAH PENGENDALIAN**

Pengendalian program diploma eksekutif boleh dilaksanakan secara konvensional atau pengajian jarak jauh.

Beban pembelajaran ini bergantung kepada hasil pembelajaran yang perlu dicapai untuk menyempurnakan pengajian sesuatu program diploma eksekutif.

## **KUASA UUM**

Untuk setiap peruntukan yang tidak ada dalam Peraturan dan Perundangan ini, kuasa untuk membuat keputusan tentang hal-hal tersebut seperti pengeluaran dari Program, dll akan biasanya ditangani dengan cara yang dianggap tepat. Namun, UUM akan menggunakan peraturan dan perundangan yang menguasai program sarjanamuda sebagai panduan untuk membuat keputusan tersebut.

### **MAKLUMAT LANJUT**

Mana-mana pelajar yang ingin membuat pertanyaan lanjut mengenai Peraturan dan Perundangan ini hendaklah mengemukakan pertanyaan tersebut kepada:

**Dekan**  
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM SINTOK  
Kedah Darul Aman  
Malaysia

Tel : 04 – 9287400